

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS PECAH MASUK (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Insurans Pecah Masuk</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Insurans Pecah Masuk Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah produk ini?

Insurans Pecah Masuk ialah satu pelan insurans yang menawarkan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada hartabenda yang disebabkan oleh kecurian akibat pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah premis atau kerosakan terhadap hartabenda yang diinsuranskan atau terhadap premis disebabkan oleh kecurian atau sebarang percubaan untuk mencuri.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang ditawarkan?

Kerugian atau kerosakan hartabenda diinsuranskan semasa di dalam premis perniagaan atau perdagangan yang disebabkan akibat:

- Kecurian akibat pemecahan masuk secara kasar dan ganas daripada sesebuah premis.
- Kerosakan terhadap hartabenda yang diinsuranskan atau terhadap premis disebabkan oleh kecurian atau sebarang percubaan mencuri.

Perlindungan boleh ditawarkan berasaskan dasar:

- Dasar Nilai Penuh – di mana keseluruhan asset dan/atau hartabenda diinsuranskan akan dicuri pada mana-mana satu masa, atau
- Dasar Kerugian Pertama – Jumlah diinsuranskan yang dipilih berdasarkan anggaran kemungkinan kerugian maksimum jika berlakunya mana-mana satu percubaan untuk mencuri.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Premium adalah dikira berdasarkan jenis perniagaan atau pekerjaan, lokasi premis, jenis barang, klasifikasi pembinaan bangunan dan jumlah yang diinsuranskan. Jumlah yang diinsuranskan samada berdasarkan nilai penuh stok yang disimpan di dalam premis pada mana-mana tempoh atau berlakunya kerugian pertama. Premium tahunan minimal ialah RM 75.00.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti setem	RM10.00
Cukai perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Anda mesti memberi notis bertulis jika berlakunya apa-apa kerosakan/ kerugian yang menyebabkan tuntutan pada Polisi ini.
- b) Anda mesti mengambil segala langkah pencegahan yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan hartabenda.
- c) Setelah bayaran tuntutan untuk kerugian di bawah Polisi ini dibayar, hartabenda yang mana bayaran telah dilakukan akan dimiliki oleh pihak kami.
- d) Perhatian mesti diambil untuk memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi kerana insurans tersebut adalah tertakluk kepada Fasal Purata yang mana anda tidak akan dibayar pampasan sepenuhnya semasa berlakunya kerugian jika hartabenda tersebut adalah diinsuranskan di bawah nilainya.

- e) Untuk insurans pada stok barangan, terutamanya jika dikenakan fluktuasi bermusim, Stok Perisytiharan Pengesahan akan meminta anda untuk memberi kenyataan bulanan atau tiga bulan sekali berdasarkan pada nilai tertinggi berisiko ketika bulan berkenaan atau tiga bulan sebelumnya.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Pihak kami tidak bertanggungjawab untuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berlaku melalui:

- a) Tindakan ketidakjujuran.
- b) Jenayah Pelanggaran Kepercayaan (CBT).
- c) Kecurian dilakukan oleh salah seorang daripada ahli keluarga, pekerja, pekerja domestik atau sesiapa yang dibenarkan berada di dalam premis secara sah.
- d) Risiko nuklear, tindakan keganasan, peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Pecah Masuk lain yang boleh didapati:

Perlindungan Insurans Pecah Masuk lain yang boleh didapati ialah:

- Insurans Semua Risiko (Peralatan Pejabat)
- Insurans Semua Risiko (Barangan Peribadi)

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTABENDA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG TEPAT. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.

